

13/07/2002

Tindakan Nik Aziz halalkan maki hamun jejas generasi muda

KUALA LUMPUR, Jumaat - Rakyat terutama penyokong Pas sendiri, boleh menilai kecenderungan pemimpin parti itu memaki hamun orang lain bagi meraih sokongan yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata tindakan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang dilaporkan menghalal dan membiarkan budaya maki hamun berleluasa di kalangan pemimpinnya, memberi kesan negatif terhadap generasi muda.

"Kerana sebuah parti nak hidup, sanggup mereka nak dapat sokongan melalui maki hamun. Kalau esok wujud generasi anak orang Pas yang tak tahu adat, tak tahu tata tertib tetapi sentiasa biadap dan memaki hamun tak kira orang tua atau muda, maka orang Melayu akan menghadapi masalah," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas Majlis Penyerahan Cek Badan Sukarela kepada Tabung Afghanistan dan Taklimat Media Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, di pejabatnya hari ini.

Satu laporan hari ini menyebut, Nik Aziz membela Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu yang memaki hamun ahli-ahli Umno.

Pendirian itu dilihat bercanggah dengan permintaan beberapa pihak dalam Pas yang mahu kempen parti itu dalam pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit sekarang tidak dicemari dengan maki hamun dan menghina peribadi pemimpin negara.

Rafidah berkata, Pas tidak sepatutnya mempersoalkan kesalahan Umno terhadap mereka sedangkan segala tindak-tanduk pemimpin parti pembangkang itu jelas membawa perpecahan di kalangan orang Melayu.

"Mereka nak bercakap kesalahan orang, sedangkan dosa mereka terhadap orang Melayu dan negara terlalu besar. Apa yang mereka buat, dengan wujud sembahyang dua imam, kubur dua tempat itu semua adalah pengkhianatan terhadap orang Islam," katanya.

Mengenai dakwaan Mohamad Sabu kononnya pelabur kini takut dengan ketidaktentuan yang berlaku dalam peralihan kuasa sekarang, Rafidah berkata rakyat dan pelabur di negara ini faham dengan konsep pemangku jawatan Perdana Menteri serta urusan pentadbiran negara.

"Kita ada Perdana Menteri yang sah dan sah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Cuma selepas Oktober 2003, bila Dr Mahathir bersara, insya-Allah, barulah Datuk Seri Abdullah mengambil alih.

"Orang Pas ni, mereka ni kena balik belajar Ilmu Hisab, kena balik semula ke sekolah. Sebab itulah kita tekankan mengenai pembelajaran matematik, orang Pas tak faham, satu tambah sifar jawapannya satu bukan satu tambah sifar jadi dua," katanya.